


# SPG:

## SKIM PERKHIDMATAN PERGURUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Berkuatkuasa pada  
1 Jun 2008



## JABATAN/AGENSI YANG BERKAITAN

### Jabatan Di Bawah Kementerian Pendidikan

- Mengurus hal ehwal perkembangan kerjaya & kapasiti tenaga pengajar
- Meneliti dan menghadapkan sokongan dalam keadaan teratur dan lengkap

### Sekretariat Lembaga Perjawatan Guru (SLPG)

- Mengendalikan dan melaksanakan dasar Skim Perkhidmatan Perguruan
- Menyelaras mesyuarat-mesyuarat termasuk Lembaga Perjawatan Guru
- Penelitian & penyemakkan

### Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE)

- KEBENARAN WARAN PERJAWATAN**
- Penyelarasaran tanggagaji kepada SPG selaras dengan kebenaran Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG)
  - \* Jika tiada kekosongan jawatan

### Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

- EHWAL PERJAWATAN**
- Penelitian perjawatan dalam Skim Perkhidmatan
  - Mengawal Skim Perkhidmatan Perjawatan Perkhidmatan Awam

### Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)

- KETETAPAN DAN KEBENARAN**
- Meluluskan dan memberikan kebenaran serta ketetapan berkenaan dengan sebarang permohonan berkaitan di bawah bidangkuasa SPA

## TATACARA KEMASUKAN KE SPG



### PENYERAPAN (MIGRATION)

Tenaga pengajar dalam tanggagaji "G" yang memenuhi syarat-syarat kelayakan akan diserapkan ke SPG.



### KENAIKAN PANGKAT

Tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, tenaga pengajar yang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai tenaga pengajar sepenuh masa sama ada yang di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang dalam SPG atau dalam skim perkhidmatan yang lama atau tenaga-tenaga pengajar di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama (tidak termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam) dibolehkan untuk memohon jawatan dan dinaikkan pangkat ke tanggagaji yang lebih tinggi dalam SPG.

# SPG:

## SKIM PERKHIDMATAN PERGURUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### SYARAT-SYARAT PENYERAPAN KE SPG

RAKYAT KEBAWAH DULI YANG MAHA  
MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**1**

BERTUGAS SEBAGAI TENAGA  
PENGAJAR SEPENUH MASA

**2**

SUDAH DITETAPKAN DALAM JAWATAN

**3**

PRESTASI TAHUNAN

- MENCAPAI PENILAIAN PRESTASI  
SEKURANGNYA PADA TAHP "B"  
SELAMA TIGA (03) TAHUN  
BERTURUT-TURUT

**4**

PENILAIAN PENGAJARAN

- MEMPEROLEHI TAHP PENILAIAN  
TPA "4" / TPE "B" (SANGAT BAIK)

**5**

MEMENUHI SYARAT SKIM

PERKHIDMATAN, CONTOH: TIDAK  
TERLIBAT DALAM TINDAKAN  
TATATERTIB

**6**

### SYARAT KELAYAKAN KENAIKAN PANGKAT



Kenaikan Pangkat Ke Tanggagaji Yang  
Lebih Tinggi Hendaklah Memenuhi  
Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan Di  
Setiap Peringkat Dalam Skim  
Perkhidmatan Perguruan

### ALIRAN KERJAYA SKIM PERKHIDMATAN PERGURUAN

BAHAGIAN I

PhD + 3 Tahun (PG.6 / PGU.6) + 2 Kertas Kerja ATAU  
Ijazah Sarjana + 4 Tahun (PG.6/PGU.6) + 2 Kertas Kerja ATAU  
Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) + 5 Tahun (PG.6/PGU.6) + 2  
Kertas Kerja

PG.7

Pegawai Pendidikan Pakar (SSC) (\$6,800 - \$7,430)

Ijazah Sarjana + 3 Tahun (PG.5) + 1 Kertas Kerja ATAU  
Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) + 4 Tahun (PG.5) + 1  
Kertas Kerja

PG.6

Pegawai Pendidikan Kanan (K1) (\$5,900 - \$6,310)

Ijazah Sarjana + 5 Tahun (PG.4) + 1 Kertas Kerja ATAU  
Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) + 7 Tahun (PG.4) +  
1 Kertas Kerja

PG.5

Pegawai Pendidikan Kanan (K2) (\$5,400 - \$5,710)

BAHAGIAN II

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan  
+ 5 Tahun (PG.3)

PG.4

Pegawai Pendidikan Tingkat Khas (\$3,880 - \$5,320)

5 Tahun (PG.2)

PG.3

Pegawai Pendidikan (\$2,450 - \$4,840)

Diploma Tinggi Kebangsaan  
(HND)

PG.2

Guru Tingkat 1 (\$2,035 - \$4,000)

5 Tahun (PG.1)

PG.1

Guru Tingkat II (\$1,245 - \$3,520)

Diploma Pendidikan /  
Diploma Kebangsaan  
(ND)

# SKIM PERKHIDMATAN PERGURUAN (SPG)

Nota: Merujuk SPG 2008 / 2016 / 2017

## BAHAGIAN III

### PG.1 - GURU TINGKAT II (\$1,245 - \$3,520)

Diploma Pendidikan atau Diploma Kebangsaan (ND) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding.

### PG.2 - GURU TINGKAT I (\$2,035 - \$4,000)

Diploma Tinggi Kebangsaan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding

Syarat kelayakan kenaikkan pangkat:

- 5 tahun dalam PG.1

## BAHAGIAN II

### PG.3 (B2 EB3) - PEGAWAI PENDIDIKAN (\$2,450 - \$4,840)

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan atau Ijazah Sarjana Muda [+ Postgraduate Certificate of Education (PGCE) atau Postgraduate Certificate of Technical Education (PGCTE)] **ATAU**  
Education Specialist Diploma / Certificate **ATAU**  
Master of Teaching

Syarat Kelayakan Kenaikkan Pangkat:

- a. Berjaya menghasilkan keputusan peperiksaan yang bermutu di kalangan murid/pelajar dibawah tanggungjawabnya.
- b. Sokongan Ketua Jabatan.
- c. 5 Tahun dalam PG.2

### PG.4 (B3) - PEGAWAI PENDIDIKAN TINGKAT KHAS (\$3,880 - \$5,320)

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan + 5 tahun (PG.3)

Syarat Kelayakan Kenaikkan Pangkat:

- a. Menunjukkan kemajuan dalam kebolehan menghasilkan penulisan ilmiah pendidikan khususnya mengenai disiplin yang menjadi pengkhususan, mengambil bahagian dalam seminar dan forum-forum pendidikan dan terlibat dalam pengendalian program latihan sekolah bagi guru-guru untuk mempertingkatkan keberkesan pengajaran dan pembelajaran;
- b. Menyediakan satu (1) kertas kerja formal yang tulen yang memuaskan pihak panel penilaian, dibawah topik-topik yang tergolong dalam bidang-bidang seperti berikut:

- Pembaharuan Bidang Pendidikan;
- Dasar Pendidikan;
- Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Yang Menjadi Pengkhususan;
- Penyelidikan Pendidikan.

## BAHAGIAN I

### PG.5 (K2) - PEGAWAI PENDIDIKAN KANAN (\$5,400 - \$5,710)

Ijazah Sarjana + 5 tahun (PG.4) + 1 kertas kerja **ATAU**

Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama + 7 tahun (PG.4) + 1 kertas kerja

Syarat Kelayakan Kenaikkan Pangkat:

a. Menyediakan satu (1) kertas kerja formal yang tulen yang memuaskan pihak panel penilaian, dibawah topik-topik yang tergolong dalam bidang-bidang seperti berikut:

- Pembaharuan Bidang Pendidikan;
- Dasar Pendidikan;
- Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Yang Menjadi Pengkhususan;
- Penyelidikan Pendidikan.

b. Menunjukkan kebolehan dan berjaya menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah dalam pendidikan khususnya mengenai pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang menjadi pengkhususan, dasar pendidikan, kurikulum, pengurusan pendidikan, pentadbiran di peringkat sekolah dan seumpamanya.

c. Kejayaan menghasilkan tulisan-tulisan yang disiarkan dalam publication untuk umum adalah satu keutamaan.

d. Menunjukkan usaha-usaha dan penglibatan dalam menjalankan penyelidikan pendidikan.

f. Dapatkan penyelidikan yang berjaya disiarkan oleh jurnal pendidikan adalah merupakan satu kelebihan.

### PG.6 (K1) - PEGAWAI PENDIDIKAN KANAN (\$5,900 - \$6,310)

Ijazah Sarjana + 3 tahun (PG.5) + 1 kertas kerja **ATAU**

Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama + 4 tahun (PG.5) + 1 kertas kerja

Syarat Kelayakan Kenaikkan Pangkat:

a. Menyediakan satu (2) kertas kerja formal yang tulen yang memuaskan pihak panel penilaian, dibawah topik-topik yang tergolong dalam bidang-bidang seperti berikut:

- Pembaharuan Bidang Pendidikan;
- Dasar Pendidikan;
- Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Yang Menjadi Pengkhususan;
- Penyelidikan Pendidikan.

b. Menunjukkan kebolehan dan berjaya menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah dalam pendidikan khususnya mengenai pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang menjadi pengkhususan, dasar pendidikan, kurikulum, pengurusan pendidikan, pentadbiran di peringkat sekolah dan seumpamanya.

c. Kejayaan menghasilkan tulisan-tulisan yang disiarkan dalam publication untuk umum adalah satu keutamaan.

e. Kejayaan menyiarkan tulisan-tulisan dalam jurnal pendidikan atau/dan menghasilkan buku-buku pendidikan Islam adalah satu kelebihan;

f. Menunjukkan usaha-usaha dan penglibatan dalam menjalankan penyelidikan pendidikan.

g. Dapatkan penyelidikan yang berjaya disiarkan oleh jurnal pendidikan adalah merupakan satu kelebihan.

### PG.7 (SSC) - PEGAWAI PENDIDIKAN PAKAR (\$6,800 - \$7,430)

Ph.D + 3 tahun (PG.6 / PGU.6) + 2 kertas kerja **ATAU**

Ijazah Sarjana + 4 tahun (PG.6 / PGU.6) + 2 kertas kerja **ATAU**

Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama + Ijazah Sarjana Pendidikan + 5 tahun (PG.6 / PGU.6) + 2 kertas kerja

Syarat Kelayakan Kenaikkan Pangkat Ke Peringkat Lebih Tinggi:

a. Sentiasa membuat kertas kerja antara topik-topik yang tergolong dalam bidang-bidang seperti berikut:

- Pembaharuan Bidang Pendidikan;
- Dasar Pendidikan;
- Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Yang Menjadi Pengkhususan;
- Penyelidikan Pendidikan.

b. Berkhidmat dalam PG.7 / PGU.7 selama 3 tahun.